

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh  
[ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 26.10.2017**

**SOALAN : 47**

**YB Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kabinet telahpun meluluskan cadangan untuk menubuhkan National Integrity and Good Governance Department (JITN).

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengurusan integriti dan tadbir urus baik Kerajaan merangkumi aspek yang meluas dalam sistem pentadbiran Kerajaan yang mana, inisiatif anti-rasuah merupakan subset kepada aktiviti pengurusan integriti. Kelemahan tadbir urus berulang yang dilaporkan dalam

Laporan Ketua Audit Negara, prestasi kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan penangkapan kes-kes rasuah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi penekanan supaya penambahbaikan perlu terus diperkasa bagi memacu perubahan di sektor awam dan swasta.

Pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan terus dipertingkatkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 mengenai Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Namun begitu, matlamat agenda integriti dan tadbir urus baik negara boleh lebih diperkukuh melalui perancangan strategi pelaksanaan secara rapi oleh sebuah agensi peneraju.

Sehubungan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Julai 2017 lalu telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) yang akan berperanan sebagai agensi pusat yang menerajui pelaksanaan agenda pemantapan integriti dan tadbir urus negara secara komprehensif melalui penggubalan dasar yang efektif serta mekanisme pengurusan integriti di kementerian dan agensi. Keputusan ini adalah masih terpakai.

Penubuhan JITN ini adalah melalui penjenamaan semula Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Perdana Menteri. JITN

akan menerajui perancangan mekanisme dan pelaksanaan strategi pengurusan integriti dan tadbir urus negara berteraskan aspirasi Bidang Keberhasilan Utama Negara Membanteras Rasuah. Pemantapan tadbir urus ini adalah melalui pelaksanaan penambahbaikan proses, sistem dan prosedur tadbir urus agensi untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan dan pemantapan sistem penyampaian Kerajaan.

JITN juga akan menjadi agensi peneraju yang akan memastikan isu-isu berhubung hak asasi manusia dapat ditangani dengan lebih sistematik dan berkesan mengikut acuan sendiri berlandaskan prinsip tadbir urus baik. Melalui JITN, penyelarasan isu-isu hak asasi manusia dapat dilaksanakan melalui pendekatan yang lebih holistik termasuk melalui kolaborasi strategik dan kerjasama yang berterusan bersama pihak-pihak berkepentingan.

Sekian, terima kasih.